



Anggota JPAM meninjau **lokasi banjir lumpur** di Kampung Melangkap Baru, Kota Belud.

[FOTO IHSAN JPAM]

800 penduduk terjejas banjir lumpur

Kota Belud: Hujan lebat berterusan sejak beberapa hari lalu mengakibatkan banjir lumpur berulang di Sungai Kadamaian di sini yang membawa bersama pasir dari Gunung Kinabalu.

Kejadian bermula jam 7 pagi semalam mengakibatkan sebuah sekolah rendah ditutup, manakala dua jambatan dan sebuah inap desa di Kampung Melangkap Baru, dihanyutkan arus deras.

Pegawai Daerah Kota Belud, Abdul Gari Itam, berkata keadaan itu menyebabkan kira-kira 800 penduduk Kampung Melangkap Baru dan Melangkap Tiong terjejas, termasuk ada yang terperangkap kerana jalan ke kampung berkenaan terputus hubungan.

Sekolah ditutup

“Sekolah Kebangsaan (SK) Melangkap ditutup manakala jambatan besi dihanyutkan

banjir. Yang turut hanyut ialah jambatan gantung yang baru dibaikpulih dan sebuah inap desa di kampung berkenaan,” katanya ketika dihubungi BH.

Beliau juga meminta penduduk supaya sentiasa berwaspada dan berpindah ke kawasan selamat jika hujan berterusan.

Selasa lalu, banjir lumpur berlaku di Sungai Ulu Kadamaian dan Penataran, menjejaskan Sekolah Kebangsaan (SK) Kiau Taburi di daerah ini.

Hujan, ribut dijangka berterusan

Sementara itu, Pengarah Jabatan Meteorologi Sabah, Abdul Malik Tussin, berkata hujan dan ribut di beberapa daerah di negeri ini dijangka berterusan hingga esok.

Katanya, keadaan itu berlaku disebabkan tempias Taufan Soudelor menyebabkan angin kencang dengan kelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam dan ombak mencapai ketinggian 3.5 meter di perairan pantai barat dan Kudat serta Labuan.